Fotomikrograf 5.6	Fotomikrograf batuan metasedimen kerijangan Bukit Bunuh yang menggambarkan saiz butiran halus	321

**PEMILIHAN JENIS BATUAN OLEH MASYARAKAT PRASEJARAH DI
KAWASAN IMPAK METEORIT BUKIT BUNUH, LENGGONG, PERAK DAN
SUMBANGANNYA KEPADA TEKNOLOGI PALEOLITIK**

ABSTRAK

Bukit Bunuh merupakan salah satu tapak Paleolitik di dalam kawasan impak meteorit di Lembah Lenggong yang berkedudukan 10 kilometer daripada bandar Lenggong dalam daerah Hulu Perak. Kajian ini dijalankan untuk menentukan bahan asas dan teknologi yang digunakan oleh masyarakat Paleolitik di Bukit Bunuh sekaligus membuktikan impak meteorit di kawasan tersebut. Impak meteorit di Bukit Bunuh telah dibuktikan berdasarkan kriteria impak meteorit dunia yang telah disenaraikan dalam jadual *The Planetary and Space Science Centre (PASSC), University of Brunswick, Kanada*. Jadual tersebut menyenaraikan enam kriteria iaitu adanya (i) makrostruktur kon pecah, (ii) mikrostruktur impak-PDF, (iii) mineral koesit dan stishovit, (iv) kawah impak, (v) leburan impak, dan (vi) suevit dan ditambah dengan dua lagi bukti tambahan iaitu segi spesifik graviti dan kehadiran sisa meteorit (bahan besi). Pembuktian impak meteorit telah melibatkan kajian perbandingan, pemetaan, analisis lapangan serta kajian saintifik di makmal seperti kajian petrografi, XRF, XRD, SEM, stereomikroskop dan spesifik graviti. Perbandingan bahan asas dilakukan ke atas tapak-tapak Paleolitik di Asia Tenggara serta perkaitannya dengan tapak-tapak impak meteorit dunia. Hasil perbandingan tersebut mendapati hanya Bukit Bunuh sahaja yang telah menggunakan bahan asas impaktit manakala bahan asas sisa meteorit tektit telah digunakan sebagai alat repeh di tapak Georgia, Amerika Syarikat dan sebagai penunjuk usia tapak

masyarakat prasejarah seperti di tapak Kok Charoen di Thailand, tapak Nambanshan, Damei, Lembangan Bose, Guang Xi, Selatan China dan sangiran, Indonesia. Hasil kajian mendapati kewujudan batuan impaktit di Bukit Bunuh sekitar 1.83 juta tahun dahulu. Ini meletakkan ianya salah satu unit baru Kuarterner dan secara tidak langsung melengkapkan geologi am kawasan Lembah Lenggong. Fenomena impak meteorit juga telah mengubah geomorfologi kawasan Bukit Bunuh yang bertopografi berbukit dan berlembah serta bersaliran membulat dan memusat. Teknologi Paleolitik Bukit Bunuh dilihat pada keistimewaan tapak Bukit Bunuh sebelum dan selepas impak meteorit adalah dari segi sumber bahan asasnya yang mudah diperolehi serta wujudnya kepelbagaian bahan asas selepas daripada peristiwa impak meteorit serta pembuatan alat batunya. Berdasarkan kajian petrografi dan geokimia bahan asas impaktit Bukit Bunuh telah dikelaskan kepada suevit, leburan impak, metakuarzit, metakuarza, metasedimen kerijangan, metasedimen keflinan, metasedimen keakikan dan metasedimen keargilitan. Dari segi artifak, Bukit Bunuh didapati mempunyai kapak genggam tertua di dunia dan yang pertama diperbuat daripada batuan impaktit. Secara tidak langsung, perkembangan teknologi kebudayaan masyarakat Paleolitik di Bukit Bunuh bukan sahaja berkembang dari segi pemilihan sumber bahan asas tetapi seiring dengan pembuatan alat batunya.

**SELECTION OF ROCK TYPES BY THE PREHISTORIC SOCIETIES AT THE
METEORITE IMPACT SITE OF BUKIT BUNUH, LENGGONG, PERAK AND
ITS CONTRIBUTION TO THE PALAEOLITHIC TECHNOLOGY**

ABSTRACT

Bukit Bunuh is one of the Palaeolithic sites in meteorite impact area, located in Lenggong Valley which is 10 kilometers away from the city of Lenggong in the Hulu Perak district. This study was conducted to determine the raw materials and technology used by Palaeolithic societies in Bukit Bunuh thereby to testify the impact of meteorite in the area. Impact of a meteorite on Bukit Bunuh has been proved based on the world meteorite impact criteria listed in the table of The Planetary and Space Science Centre (PASSC), University of Brunswick, Canada. The table list of the six criteria such (i) macrostructure shatter cone, (ii) impact microstructure -PDF, (iii) coesite and stishovite minerals, (iv) impact crater, (v) impact melt, and (vi) suevite and including two more evidences such as specific gravity and existed of remnant meteorite (metals). Proof of a meteorite impact in Bukit Bunuh was based on the comparative studies, mapping, field analysis and scientific studies in the laboratory such as petrographic studies, XRF, XRD, SEM, stereomicroscope and specific gravity. Comparison of raw materials was carried on Southeast Asian Palaeolithic sited as well as their relationships with meteorite impact sites of the world. The results show that only at Bukit Bunuh that raw material of type impactite was used while the waste tektites has been used as flake tools in site Georgia, United States and as age indicators for of prehistoric sites such as at Kok Charoen site

in Thailand, Nanbanshan site, Damei, Bose Basin, Guang Xi, China Southern and Sangiran, Indonesia. The existence of impactite rock in Bukit Bunuh around 1.83 million years ago has enabled the place to be a new Quaternary unit and has indirectly completed general geological of Lenggong Valley area. Meteorite impact phenomena have also changed geomorphology of Bukit Bunuh area particularly the hills and valleys drained circular features and concentric. Bukit Bunuh's technologies Palaeolithic are based on the importance of Bukit Bunuh site before and after meteorite impact is in terms of raw material resources that are readily available and the diversity of the raw materials in the aftermath of a meteorite impact and the stone tools making. Based on petrographical and geochemical studies, the impactite raw materials of Bukit Bunuh can be classified into suevite, impact melt, metaquartzite, metaquartz, cherty metasedimentary, flinty metasedimentary, agty metasedimentary and argillaceous metasedimentary. In terms of artefacts, Bukit Bunuh is believed to have the oldest hand axe in the world and the first to be made from impactite rock. The advancement of technological development of Palaeolithic society in Bukit Bunuh is not only in terms of their selection of raw material resources but is also in line with its stone tools making.

BAB 1

TAPAK BUKIT BUNUH, LENGGONG, PERAK

1.1 PENGENALAN

Tapak Bukit Bunuh terletak di Lembah Lenggong, Hulu Perak. Bab ini akan menjelaskan tentang sejarah penyelidikan sejak 2001 yang pernah dilakukan di Bukit Bunuh khususnya dalam kajian arkeologi dan geologi. Turut dibincangkan ialah isu-isu serta masalah yang wujud dalam penyelidikan terdahulu terutamanya pada tapak kawasan kajian. Seterusnya, bab ini akan menjelaskan tujuan, metod serta skop kajian yang dijalankan di tapak Bukit Bunuh.

1.2 LOKASI KAJIAN

Kawasan Bukit Bunuh, Lenggong, Perak berada pada kedudukan garis lintang $100^{\circ}58.5'$ Timur dan garis bujur $5^{\circ}4.5'$ Utara (Rajah 1.1). Bukit Bunuh terletak 10 kilometer ke selatan bandar Lenggong di dalam daerah Hulu Perak (Rajah 1.2) dan merupakan tapak



Rajah 1.1: Lokasi Bukit Bunuh di Lenggong, Perak



Rajah 1.2: Kedudukan kawasan kajian Bukit Bunuh di Lenggong, Perak

terbuka Paleolitik terbesar di Malaysia dengan keluasan sekitar 4 km². Tapak ini terletak sekitar satu kilometer ke utara tapak Paleolitik Kota Tampan (Rajah 1.2).

1.3 KAJIAN TERDAHULU


Perbincangan kajian terdahulu akan menyentuh secara keseluruhan kepada kajian-kajian arkeologi dan geologi di Bukit Bunuh termasuklah pentarikan dalam menentukan usia tapak. Tujuan perbincangan adalah untuk mengetahui isu dan masalah daripada kajian terdahulu. Ini akan dapat membantu kajian ini supaya ianya dapat melengkapkan lagi data arkeologi dan geologi Bukit Bunuh.

1.3.1 Arkeologi di Bukit Bunuh

Kajian arkeologi di Bukit Bunuh melibatkan jumpaan artifak secara *in situ* dan permukaan. Jumpaan artifak secara *in situ* melibatkan ekskavasi dan penemuan artifak pada teres pengendapan manakala jumpaan artifak di permukaan melibatkan penemuan artifak yang terkeluar di permukaan bumi akibat aktiviti manusia seperti penerasan muka bumi atau proses semula jadi seperti angkutan, gelongsoran, luluhawa dan sebagainya. Menurut Mokhtar (2006a), kajian survei awal sekitar 2001 ketika melakukan pemetaan paleoalam telah menemukan ribuan artifak jumpaan permukaan di kawasan kajian yang berasosiasi dengan bongkah-bongkah yang dikatakan volkanik pada mulanya. Ini memaksa ahli arkeologi supaya melakukan ekskavasi untuk mendapatkan maklumat atau

data tapak secara *in situ* (Mokhtar, 2004a). Rajah 1.3 menunjukkan lokasi ekskavasi sejak 2001.

Ekskavasi 2001 (Mokhtar, 2004a) lebih kepada untuk menentukan sama ada tapak Bukit Bunuh masih mempunyai lapisan kebudayaan yang masih *in situ*. Ekskavasi telah melibatkan 7 petak bersaiz satu meter persegi setiap satu yang telah dibantu oleh pelajar minor Arkeologi, USM sesi 2001 (Rajah 1.3).



Rajah 1.3: Lokasi tapak-tapak ekskavasi di Bukit Bunuh mengikut tahun ekskavasi, 2001-2003, 2008 dan 2010 (selepas Nor Khairunnisa, 2013)

Ekskavasi berikutnya telah dijalankan di Bukit Bunuh pada tahun 2003 (Mokhtar 2004b; 2006a,b). Sebanyak 17 petak yang bersaiz satu meter persegi setiap satunya telah diekskavasi di bahagian Selatan Bukit Bunuh pada tahun 2003 (Rajah 1.3). Hasil ekskavasi telah mendedahkan bukti ianya berfungsi sebagai tapak bengkel membuat alat-alat batu Paleolitik yang masih *in situ*. Pentarikan dilakukan menggunakan kaedah pendar kilau rangsangan optik atau OSL (*optically stimulated luminescence*) ke atas salah satu lapisan budaya di petak D2 yang memberikan tarikh $39,000 \pm 2600$ tahun. Bahan mentah yang digunakan sebagai artifak didapati terdiri daripada pebel sungai, kuarzit, kuarza, rijang, flin, akik dan suevit (Mokhtar, 2004b). Maka, kajian 2003 telah berjaya menemui lapisan budaya 40,000 tahun dahulu yang menggunakan pelbagai bahan mentah dalam industri alat batu mereka.


Pada 2007, Bukit Bunuh telah dikenal pasti sebagai tapak terbuka Paleolitik Awal tertua di Lembah Lenggong malah di Asia Tenggara susulan daripada penemuan alat batu di dalam batuan suevit. Pentarikan ke atas batuan suevit yang mengandungi alat batu dengan kaedah kesan belahan *Fission Track* oleh Makmal Geokronologi Jepun telah memberikan usia sekitar 1.83 juta tahun dahulu. Ini menunjukkan bahawa telah ada manusia awal bertapak atau mendiami kawasan Bukit Bunuh sebelum 1.83 juta tahun dahulu (Mokhtar, 2010).

Ekskavasi diteruskan pada bahagian kaki bukit permatang Bukit Bunuh di sebelah barat pada 2008 dan 2010 (Nor Khairunnisa, 2013) (Rajah 1.3). Hasil ekskavasi ke atas

kedua-dua tapak 2008 dan 2010 secara umumnya mendedahkan jumpaan tapak bengkel secara *in situ*. Masyarakat Paleolitik Bukit Bunuh pada masa itu didapati telah menggunakan bahan mentah yang hampir sama dengan tapak Bukit Bunuh 2001-2003 seperti pebel sungai, kuarzit, kuarza, metasedimen kerijangan dan suevit tetapi tidak dijumpai flin dan akik. Namun begitu, banyak ditemui hematit sebagai artifak pada tapak 2008 dan 2010. Pentarikan dengan kaedah OSL pula, mendapati tapak 2008 dan 2010 berusia antara 500,000 tahun dahulu sehingga 270,0000 tahun dahulu (Nor Khairunnisa, 2013). Ini menunjukkan bahawa tapak 2008 dan 2010 merupakan tapak Paleolitik zaman Pertengahan yang tertua di Lembah Lenggong.

Penemuan sebuah lagi tapak di teres pengendapan di kawasan barat daya Bukit Bunuh telah mendedahkan bukti penemuan artifak yang *in situ*, tetapi masih belum diekskavasi. Pentarikan dengan kaedah OSL telah dibuat pada lapisan kebudayaan teres pengendapan tersebut dan mendapati usianya adalah 30,000 tahun dahulu (Nor Khairunnisa, 2013). Ini menunjukkan bahawa tapak tersebut merupakan tapak Paleolitik Akhir yang kedua selepas tapak 40,000 tahun dahulu di Bukit Bunuh yang manusia awalnya hidup dengan persekitaran terbuka di sekitar sungai dan tasik.

Selain daripada bukti penemuan artifak secara *in situ* juga ditemui artifak daripada bahan mentah yang hampir sama bertaburan di permukaan. Taburannya didapati meluas pada keseluruhan kawasan Bukit Bunuh iaitu kira-kira 3-4 kilometer persegi dan menjadikan atau meletakkan Bukit Bunuh sebagai satu kompleks Paleolitik terbesar di Lembah Lenggong (Mokhtar 2006b) (Rajah 1.4).



Rajah 1.4: Taburan tapak Paleolitik di Bukit Bunuh (selepas Mokhtar, 2006b)

Maka, Bukit Bunuh telah memberi banyak sumbangan kepada arkeologi terutamanya dari segi sumber bahan mentah yang digunakan dan pentarikhannya. Kajian arkeologi menunjukkan masyarakat Paleolitik telah berada di Bukit Bunuh sejak lebih 1.83 juta tahun dahulu diikuti 500,000 tahun dahulu, 100,000 tahun dahulu, 40,000 tahun dahulu dan 30,000 tahun dahulu. Ini menunjukkan adanya bukti kronologi Paleolitik yang agak lengkap daripada semasa ke semasa sejak Paleolitik Awal, Pertengahan dan Akhir. Walau bagaimanapun, tiada kajian terperinci tentang bahan mentah kebudayaan masyarakat Paleolitik yang terdapat di Bukit Bunuh khususnya tentang asalan bahan mentah tersebut.

Memandangkan Lembah Lenggong juga mempunyai beberapa tapak terbuka yang lain yang menyumbang kepada teknologi Paleolitik di kawasan ini, maka berikut dibincangkan bahan mentah yang digunakan di tapak tersebut. Ini penting untuk diperbandingkan dengan tapak Bukit Bunuh.

1.3.2 Tapak-tapak Paleolitik Terbuka di Lembah Lenggong

Tapak-tapak terbuka Paleolitik selain Bukit Bunuh dipertarikhkan dengan kaedah pentarikhkan secara relatif, iaitu tapak Bukit Jawa dan Kampong Temelong (100,000 – 200,000 tahun dahulu) manakala pentarikhkan Kota Tampan (74,000 tahun dahulu) adalah berdasarkan debu toba yang didapati berasosiasi dengan artifak alat batu (Zuraina 2003). Tapak-tapak ini merupakan tapak zaman Paleolitik Pertengahan (Bukit Jawa dan

Kampong Temelong) dan Paleolitik Akhir (tapak Kota Tampan) yang telah memberi gambaran masyarakat ketika itu yang menggunakan sumber bahan mentah utama daripada batu sungai sepenuhnya sebagai alat batu dan peralatan kerja mereka. (Zuraina, 1989, 1997 dan Mokhtar 1997a, 1997b).

1.3.2.1 Tapak Bukit Jawa

Tapak Bukit Jawa yang terletak sekitar 12 kilometer ke utara daripada puncak Bukit Bunuh, Lenggong (Rajah 1.5) merupakan tapak bengkel Paleolitik jenis terbuka yang tidak terganggu berdasarkan data ekskavasi yang dijalankan sekitar awal tahun 1990 (Zuraina, 1997b). Ekskavasi Bukit Jawa menemukan bengkel pembuatan alat batu Paleolitik yang menggunakan pebel sungai kuarza dan kuarzit. Mengikut Zuraina (1997b) tapak ini berusia sekitar 200,000 – 100,000 tahun dahulu.

1.3.2.2 Tapak Kampong Temelong

Kampong Temelong, Lenggong antara tapak Paleolitik terbuka yang dipertarikhkan secara perbandingan morfologi serta geologi iaitu sekitar 200,000 – 100,000 tahun dahulu (Mokhtar 1997a). Tapak ini terletak sembilan kilometer ke utara Bukit Bunuh (Rajah 1.5). Kajian di Kampong Temelong melibatkan klasifikasi, teknologi dan paleoalam. Hasil kajian mendapati sejumlah 5,000 artifak ditemui dan asosiasi artifak menunjukkan ia berfungsi sebagai bengkel alat batu Paleolitik (Mokhtar 1993, 1997).



Rajah 1.5: Taburan tapak-tapak arkeologi di Lembah Lenggong, Perak

Secara umumnya artifak di Kampong Temelong diperbuat daripada pebel kuarza dan kuarzit, sama seperti di Bukit Jawa

1.3.2.3 Tapak Kota Tampan

Tapak Kota Tampan terdiri daripada tapak KT 1987 dan KT 2005. Tapak KT 1987 pada mulanya dipertarikhkan secara relatif oleh Zuraina (1990) sekitar 30,000 tahun dahulu berdasarkan kehadiran debu gunung berapi di celah-celah artifak dalam lapisan kebudayaan, dan kemudiannya ditukar kepada 74,000 tahun berdasarkan perbandingan dengan siri letupan gunung berapi di rantau ini (Zuraina, 2003).

Tapak KT 2005 pula telah dipertarikhkan oleh Hamid (2007) dengan kaedah OSL sekitar 74, 000 tahun dahulu. Pentarikhkan terkini oleh Storey *et al.*, (2012) terhadap mineral feldspar-sanidin yang terdapat dalam debu Toba di Lenggong memberikan tarikh 73.880 ± 0.32 ribu tahun dahulu membuktikan tapak Kota Tampan secara umumnya berusia sekitar 74,000 tahun dahulu.

Dari segi bahan asas pula, masyarakat prasejarah di Kota Tampan membuat alat batu daripada pebel kuarzit dan kuarza sama seperti tapak-tapak Paleolitik Pertengahan yang lain seperti Bukit Jawa dan Kampong Temelong. Maka, perbandingan bahan asas artifak menunjukkan tapak Paleolitik selain Bukit Bunuh menggunakan hanya kuarzit dan kuarza daripada punca sungai yang sama (Mokhtar 2004, 2006a, b).

1.3.3 Geologi Bukit Bunuh

Kajian arkeologi di Bukit Bunuh sejak 2001 oleh Mokhtar (2004b) juga telah melibatkan beberapa kajian asas geologi. Selain daripada laporan Tjia (2001), terdapat beberapa laporan geologi asas, seperti oleh Mokhtar (2004b) tentang kehadiran penunjuk impak meteorit tekstur lamela berselang seli (PDF) pada mineral kuarza dalam batuan suevit, serta oleh Khairunnisa *et al.*, (2007) terhadap kajian awal batuan impak meteorit di Bukit Bunuh.

Tjia (2001) telah membuat laporan awal tentang kewujudan kehadiran morfologi kawah impak meteorit di Bukit Bunuh berdasarkan struktur membulat melalui kajian imej satelit. Beliau juga menyatakan ketulan batuan di Bukit Bunuh adalah batuan suevit, iaitu batuan hasil impak meteorit. Malah Tjia (2001) juga melaporkan penemuan mikrostruktur PDF dalam kuarza di batuan tersebut.

Kajian penderian jauh oleh Nawawi *et al.*, (2004) telah menyentuh kepada penentuan morfologi kawah Bukit Bunuh. Pada awalnya, kajian penderian jauh mendapati morfologi kawasan Bukit Bunuh menunjukkan kehadiran struktur lingkaran (bibir kawah) yang kurang jelas serta permatang yang mengelilingi lembah. Pengenalpastian lingkaran kawah Bukit Bunuh yang kurang jelas disebabkan oleh faktor luhawa yang tinggi serta faktor hakisan yang mengubah geomorfologi kawasan tersebut. Ia juga mungkin dipengaruhi oleh imej satelit yang kurang jelas dan bersaiz kecil .

Melalui interpretasi imej statelit dan foto udara keluasan kawah dianggarkan berdiameter 3.45 km dengan kedalaman 0.7 km iaitu bersaiz sederhana (Nor Khairunnisa *et al.*, 2007). Interpretasi tersebut menunjukkan sebahagian kawasan Bukit Bunuh terletak di dalam kawah dan batuan suevit ini didapati berada di kawasan bibir kawah meteorit (Nor Khairunnisa *et al.*, 2007).

Kesemua kajian geologi awal ini telah mencadangkan kemungkinan adanya bukti jatuhan meteorit di Bukit Bunuh. Walau bagaimanapun ianya masih tidak lengkap.

Kajian geofizik terdahulu di Bukit Bunuh oleh Nawawi *et al.*, (2004) mendapati bahawa i) nilai anomali graviti negatif mewakili bacaan batuan breksia-suevit yang mempunyai kepadatan rendah, manakala ii) data imej keberintangan menunjukkan tanah dan batuan yang dominan bagi kawasan Bukit Bunuh ini adalah terdiri daripada granit, suevit dan aluvium. Kajian ini juga merupakan kajian awal survei dan pemetaan di Bukit Bunuh oleh Nor Khairunnisa *et al.*, (2007) telah dijalankan bagi mengenalpasti batuan-batuan yang tertabur secara rawak di Bukit Bunuh terutamanya di bahagian bibir kawah meteorit. Batuan-batuan impak meteorit ini dikategorikan kepada batuan suevit, batuan leburan impak dan gneiss kejutan. Taburan suevit didapati tertabur secara rawak di tengah kawasan Bukit Bunuh. Batuan leburan impak pula didapati tertabur secara rawak di kaki Bukit Bunuh dan batuan gneiss kejutan didapati tertabur di puncak Bukit Bunuh. Selain itu, granit hasil impak terlonjong keluar di kawasan lembah Bukit Bunuh. (Nor Khairunnisa *et al.*, 2007)

Kajian petrografi dijalankan ke atas sampel batuan impaktit Bukit Bunuh oleh Mokhtar (2004b) untuk membuktikan ia benar-benar adalah hasilan impak meteorit. Hasil kajian mendapati kehadiran PDF pada mineral kuarza batuan suevit iaitu salah satu batuan impaktit Bukit Bunuh. Ini membuktikan bahawa batuan ini telah mengalami suatu perubahan akibat suhu dan tekanan yang mengejut akibat impak meteorit (Mokhtar 2004b; Nor Khairunisa *et al.*, 2007). Dapatan awal ini telah menyakinkan bahawa impak meteorit pernah melanda kawasan Bukit Bunuh tersebut.

Secara amnya, kajian geologi terdahulu di Bukit Bunuh telah mendapat bukti awal tentang kejutan impak meteorit. Walau bagaimanapun, bukti impak masih tidak lengkap tentang bahan asas industri alat batu Paleolitiknya masih belum dijalankan secara saintifik tentang asalnya.

1.4 PENTARIKHAN

Pentarikan di Bukit Bunuh melibatkan penentuan usia lapisan kebudayaan Paleolitik dan usia batuan impak meteorit. Penentuan usia batuan dan tanah di Bukit Bunuh melibatkan pentarikan kaedah OSL (*optically stimulated luminescence*), kaedah kesan belahan (FT-*Fission Track*), kaedah Kalium-Argon (K-Ar), kaedah Argon-Argon ($^{40}\text{Ar}/^{39}\text{Ar}$) dan kaedah Uranium-Plumbum (U-Pb) (Mokhtar, 2007a; 2012a). Berikut dibincangkan pentarikan tersebut. Jadual 1.1 menunjukkan senarai pentarikan terhadap sampel di Bukit Bunuh.

1.4.1 Kaedah OSL

Secara umumnya kaedah pentarikan OSL adalah kaedah melibatkan penentuan masa kali terakhir mineral di dalam satu lapisan tanah terkena cahaya matahari dan ini membantu kepada penentuan usia sesebuah tapak. Konsep pentarikan OSL ini melibatkan tindak balas cahaya kalimantang yang terhad (*luminescence light*) kerana pelepasan tenaga yang disimpan dan terkumpul di dalam bahan mineral/hablur oleh tindakan radioaktif semulajadi (Mokhtar, 2007a).

Jadual 1.1: Pentarikan ke atas batuan impaktit Bukit Bunuh (selepas Mokhtar, 2012a)

Sampel	Teknik	Makmal	Mineral	Usia (j.t.d.l)	Kala
BBh'11-Q1	ESR	Hiruzen Institute for Geology and Chronology	Kuarza	1.34±0.06	Kuaternari
BBh 1	<i>Fission Track</i>	Geochronology Japan Inc., Japan	Zirkon	1.74±1.28	
BBh 2	<i>Fission Track</i>	Geochronology Japan Inc., Japan	Zirkon	1.83± 0.61	
BBh 2010	K-Ar	Hiruzen Institute for Geology and Chronology	Matrik	13.1± 2.8	

sambungan Jadual 1.1

MS-2	$^{40}\text{Ar}/^{39}\text{Ar}$	Oregon State University Lab, USA	Matrik	28.8±1.9	Tersier
MS-1	$^{40}\text{Ar}/^{39}\text{Ar}$	Oregon State University Lab, USA	Matrik	33.4±2.0	
S2 BBh	K-Ar	Hiruzen Institute for Geology and Chronology	Matrik	41.2± 2.6	
SU09-2	$^{40}\text{Ar}/^{39}\text{Ar}$	Oregon State University Lab, USA	Matrik	53.9±2.6	
SM2	K-Ar	Hiruzen Institute for Geology and Chronology	Matrik	54.7±3.3	
SM1	K-Ar	Hiruzen Institute for Geology and Chronology	Matrik	55.8±1.4	
SU09-1	$^{40}\text{Ar}/^{39}\text{Ar}$	Oregon State University Lab, USA	Matrik	62.5± 6.0	Kapur
S1 BBh	K-Ar	Hiruzen Institute for Geology and Chronology	Matrik	67.8±3.5	
BBh'11-Q1	K-Ar	Hiruzen Institute for Geology and Chronology	Biotit	73.3 ±1.6	
SM3	K-Ar	Hiruzen Institute for Geology and Chronology	Matrik	77.0±4.1	
BBh 1	<i>Fission Track</i>	Geochronology Japan Inc., Japan	Zirkon	90.1±5.0	
BBh 10-4	U-Pb	Geochronology and Isotopic Geochemistry Lab, Canada	Zirkon	204.9±2.1	Jura

sambungan Jadual 1.1

BBh 10-5 U-Pb	U-Pb	Geochronology and Isotopic Geochemistry Lab, Canada	Zirkon	212.6±3.7	Trias
BBh 10-1	U-Pb	Geochronology and Isotopic Geochemistry Lab, Canada	Zirkon	213.6±3.0	
BBh 10-7	U-Pb	Geochronology and Isotopic Geochemistry Lab, Canada	Zirkon	220.9±3.5	
BBh 10-4	⁴⁰ Ar/ ³⁹ Ar	Geochronology and Isotopic Geochemistry Lab, Canada	Serisit	305.3±3.0	Karbon

Pentarikhan OSL di Bukit Bunuh melibatkan lapisan budaya di tapak ekskavasi dan teres pengendapan yang *in situ*. Kajian OSL yang dilakukan pada tapak-tapak Bukit Bunuh mendapati usianya adalah 40,000 tahun dahulu bagi tapak 2003 (Mokhtar, 2006b), 500,000 tahun dahulu tapak 2008 (Nor Khairunnisa, 2013) dan 270,000 tahun dahulu di tapak 2010 (Nor Khairunnisa, 2013) dan 30,000 tahun dahulu pada tapak teres pengendapan di barat daya Bukit Bunuh (Nor Khairunnisa, 2013).

1.4.2 Kaedah FT

Kaedah FT melibatkan kaedah kesan belahan ke atas mineral zirkon yang mengandungi atom uranium (²³⁸U) yang tidak stabil. Atom uranium yang tidak stabil mengalami pereputan radioaktif dalam jangka masa yang panjang sehingga menyebabkan kerosakan

pada mineral zirkon tersebut. Kerosakan pada mineral ini akan memancarkan sinar pada sampel dan bilangan kerosakan tersebut dikira sebagai jangka masa hayat. Semakin banyak kerosakan dikira maka semakin tua usia sampel tersebut (Aitken, 1990). Had usia yang dapat dikesan oleh kaedah ini adalah 100, 000 hingga jutaan tahun dahulu.

Oleh itu, kajian FT ini telah giat dilakukan pada sampel-sampel batuan Bukit Bunuh. Kajian pentarikan FT telah dilakukan ke atas batuan suevit Bukit Bunuh yang mengandungi kapak genggam. Pentarikan ini memberikan keputusan 1.74 ± 1.28 juta tahun dahulu dan 1.83 ± 0.61 juta tahun dahulu. Mokhtar (2010) mencadangkan oleh kerana pentarikan pada 1.74 ± 1.28 mempunyai ralat yang besar maka pentarikan yang lebih sesuai ialah 1.83 ± 0.61 juta tahun dahulu. Kajian pentarikan ini merupakan yang pertama di Malaysia dan mendedahkan bukti impak meteorit di Malaysia dengan kaedah pentarikan kronometrik (Mokhtar, 2006). Ini secara tidak langsung juga memberitahu kita bahawa pentarikan FT yang dilakukan ke atas sampel batuan suevit tersebut mengandungi mineral zirkon yang telah terlebur sepenuhnya sehingga memberikan usia sebenar pada waktu tersebut iaitu sekitar 1.83 juta tahun dahulu.

1.4.3 Kaedah K-Ar

Kaedah K-Ar merupakan pentarikan ke atas batuan yang berusia beribu hingga jutaan tahun dahulu terutamanya batuan jenis igneus. Ini kerana prinsip kaedah ini menggunakan mineral kalium yang biasa hadir dalam batuan igneus. Kaedah ini melibatkan penyusutan ke atas mineral kalium dengan usia separuh hayat 1.25 billion

sehingga membentuk kepada isotop argon dan kalium. Argon ini dikatakan akan menghasilkan gas, dan semakin banyak gas maka semakin tua sampel batuan tersebut. Had usia bagi kaedah pentarikan ini adalah antara 30, 000 tahun dahulu sehingga 5 juta tahun dahulu (Aitken, 1990).

Pentarikan Kalium-Argon digunakan kerana kalium kebiasaannya mudah ditemui di dalam batuan. Sebahagian kalium dikenali sebagai bahan radioaktif yang dikenali sebagai Kalium-40. Kalium-40 (^{40}K) ini dikatakan mempunyai separuh hayatnya lebih daripada bilion tahun dan kadar menyusut adalah sangat perlahan untuk membentuk ^{40}Ar . Perbandingan kemudiannya dibuat untuk penentuan usia batuan. Batuan yang muda akan mengandungi ^{40}K yang tinggi berbanding ^{40}Ar manakala batuan yang tua akan mengandungi ^{40}K yang rendah berbanding ^{40}Ar .

Kaedah pentarikan Kalium-Argon (K-Ar) juga dilakukan ke atas batuan impaktit di Bukit Bunuh. Kali ini, mineral yang digunakan untuk pentarikan adalah matrik dan mineral biotit batuan impaktit. Hasil pentarikan K-Ar menunjukkan rata-rata memberikan bacaan yang berlainan dan tidak pada skala masa yang sama iaitu sekitar zaman Kapur, Tersier dan Kuarternari. Ini mungkin disebabkan oleh jenis batuan yang dipentarkan adalah batuan suevit. Batuan suevit dicirikan oleh matrik yang tidak terlebur sepenuhnya tetapi terdiri daripada klasta yang terlebur, maka bacaan bagi usia mineral tidak menggambarkan peleburan sepenuhnya atau waktu impak meteorit tersebut berlaku.

1.4.4 Kaedah $^{40}\text{Ar}/^{39}\text{Ar}$

Kaedah pentarikan $^{40}\text{Ar}/^{39}\text{Ar}$ merupakan kaedah radiometrik yang lebih jitu daripada pentarikan K-Ar. Ini kerana kaedah ini hanya memerlukan satu sampel di mana radiasi mampu menghasilkan ^{39}Ar daripada ^{39}K yang lebih stabil. Kaedah ini sering digunakan dalam mengira usia pada batuan igneus dan metamorf. Ini kerana pembentukan batuan-batuan ini melibatkan peleburan dan pencairan batuan dan mineral (<http://en.wikipedia.org/wiki/Argon>).

Kaedah pentarikan ini telah digunakan dalam menentukan usia batuan impaktit di Bukit Bunuh seperti yang direkodkan di dalam Jadual 1.1. Mineral serisit dan matrik batuan telah digunakan dalam menentukan usia batuan impaktit ini. Hasil mendapati usia batuan yang menggunakan mineral serisit memberikan bacaan zaman Karbon (305.3 ± 3.0 juta tahun dahulu) manakala yang menggunakan matrik memberikan usia Kapur (62.5 ± 6.0 juta tahun dahulu) dan Tersier (28.8 ± 1.9 juta tahun dahulu, 33.4 ± 2.0 juta tahun dahulu dan 53.9 ± 2.6 juta tahun dahulu). Mineral serisit adalah mineral yang mudah melebur sekiranya dibekalkan suhu, maka kemungkinan batuan yang mengandungi serisit ini tidak mengalami peleburan yang tinggi dan secara tidak langsung memberikan usia batuan asal kawasan tersebut iaitu batuan metasedimen Formasi Kroh yang berusia Ordovisi-Silur. Batuan impaktit yang berusia Tersier pula menunjukkan bahawa hampir keseluruhan matrik batuan tersebut melebur kerana menghampiri kepada usia impak meteorit sebenar iaitu sekitar awal Kuarternari.

1.4.5 Kaedah U-Pb

Kaedah pentarikan U-Pb adalah antara pentarikan yang dapat menentukan usia batuan tua sekitar 1 juta tahun dahulu sehingga lebih daripada 4.5 bilion tahun dahulu. Kaedah ini, bergantung kepada dua pereputan iaitu 1) siri uranium dari ^{238}U untuk ^{206}Pb dengan separuh hayat 4,470,000,000 tahun dan 2) siri aktinium dari ^{235}U untuk ^{207}Pb , dengan separuh hayat 704,000,000 tahun. Usia ditentukan dari sistem U-Pb dengan analisis Pb nisbah isotop (Wikipedia U-PB, 2012).

Kaedah pentarikan ini telah digunakan pada batuan impaktit Bukit Bunuh dengan menggunakan zirkon sebagai mineral pentarikan. Kajian pentarikan U-Pb ke atas mineral zirkon daripada batuan kuarzit terimpak mendapati usia batuan ini adalah Trias iaitu sekitar 213.6 ± 3.0 juta tahun dahulu (Jadual 1.1). Ini mungkin menunjukkan bahawa berlaku peleburan separa pada mineral zirkon batuan kuarzit ini dijangkakan berasal daripada batuan Formasi Kroh yang berusia Ordovisi-Silur yang jauh lebih tua.

Mokhtar (2012a) mencadangkan pentarikan yang sesuai untuk impak meteorit di Bukit Bunuh ialah pentarikan FT 1.83 ± 0.61 juta tahun dahulu, berdasarkan kepada kehadiran alat batu Paleolitik khususnya artifak kapak genggam di dalam batuan suevit. Ini kerana secara perbandingan data Paleolitik terkini merujuk kehadiran kapak genggam sebagai bukti kewujudan manusia awal tidak lebih daripada 2 juta tahun dahulu.

1.5 ISU-ISU DAN MASALAH TAPAK BUKIT BUNUH

Hasil kajian terdahulu di Bukit Bunuh mendedahkan beberapa isu dan masalah seperti yang dibincangkan di bawah, iaitu:

- 1) Pembuktian Bukit Bunuh sebagai kawasan impak meteorit masih belum lengkap sepenuhnya,
- 2) Data mengenai geologi am Bukit Bunuh masih belum lengkap dan tidak terperinci, contohnya seperti jenis asalan litologi dan stratigrafinya,
- 3) Bahan mentah bagi pembuatan alat batu di Bukit Bunuh masih belum dikaji asal usulnya, dan
- 4) Kaitan tingkah laku dan pemilihan bahan asas masyarakat Paleolitik di Bukit Bunuh belum dibincangkan dengan terperinci.

1.6 OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan isu dan masalah yang dibincangkan di atas, maka kajian ini akan cuba melengkapkan lagi data Bukit Bunuh berdasarkan beberapa tujuan seperti yang tercatat di bawah:-

- 1) Memperkukuhkan pembuktian bahawa Bukit Bunuh ialah sebuah kawasan impak meteorit berasaskan ciri-ciri PASSC (*Planetary and Space Science Centre*) yang diiktiraf seluruh dunia,
- 2) Melengkapkan maklumat geologi am dan stratigrafi Bukit Bunuh khususnya dan Lenggong amnya,
- 3) Menentukan asal usul dan sifat bahan mentah batuan Bukit Bunuh, dan
- 4) Menentukan kaitan teknologi pembuatan alat batu dan pemilihan bahan asas masyarakat Paleolitik di Bukit Bunuh secara terperinci.

1.7 METOD KAJIAN

Bagi membolehkan tujuan kajian ini tercapai, ia akan melibatkan survei dan pemetaan geologi serta pengambilan sampel. Kajian makmal pula akan melibatkan analisis-analisis saintifik seperti analisis petrografi, kaedah sinar pengimbas belauan (XRD-*X-Ray Diffraction*), kaedah sinar pendarfluor (XRF- *X-Ray Fluorescence*), kaedah pengimbas elektron (SEM-*Scanning Electron Microscope*) dan kajian spesifik graviti.

1.7.1 Kajian Lapangan

Survei dan pemetaan taburan batuan impak secara rawak dilakukan secara pemplotan